

سورة الزلزلة

SURAH AZ-ZALZALAH

Surah Kegoncangan
Surah (99) - Makkiyah - 8 ayat

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا (1)

1. Apabila bumi digegarkan sedahsyat-dahsyat gegarannya.

وَأَخْرَجَتِ الْأَرْضُ أَثْقَالَهَا (2)

2. Dan bumi telah mengeluarkan isi kandungannya.

وَقَالَ الْإِنْسَانُ مَا لَهَا (3)

3. Dan manusia berkata (ketakutan) mengapa bumi jadi begitu?

يَوْمَئِذٍ تُحَدِّثُ أَخْبَارَهَا (4)

4. Pada hari itu bumi akan menceritakan berita-beritanya.

بِأَنَّ رَبَّكَ أَوْحَىٰ لَهَا (5)

5. Bahawa Tuhanmu telah memerintahnya (supaya berlaku demikian).

يَوْمَئِذٍ يَصْدُرُ النَّاسُ أَشْتَاتًا لِّيُرَوْا أَعْمَالَهُمْ (6)

6. Pada hari itu manusia akan keluar dari kubur masing-masing dengan berbagai-bagai keadaan untuk diperlihatkan balasan amalan mereka.

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ (7)

7. Oleh itu barangsiapa yang berbuat amalan kebajikan seberat zarah nescaya ia akan melihat pahalanya.

وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ (8)

8. Dan barangsiapa yang berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya ia akan melihat balasannya.

Di dalam mashaf, juga menurut setengah-setengah riwayat, surah ini diturunkan di Madinah, tetapi di dalam riwayat-riwayat yang lain surah ini diturunkan di Makkah. Kami tarjihkan riwayat yang mengatakan surah ini diturunkan di Makkah, kerana pokok persoalan dan gaya pengungkapan nya adalah menguatkan riwayat ini. Satu peristiwa gempa bumi yang menggentarkan hati manusia yang lalai. Satu peristiwa gempa yang menggegarkan seluruh bumi dan seluruh penduduknya. Satu gegaran gempa, di mana maudhu', pemandangan dan nada-nada kata turut sama mengambil bahagian. Sebaik sahaja mereka sedar dari kekagetan mereka, mereka terus dihadapkan kepada Allah untuk dihisab, ditimbang dan ditentukan balasan masing-masing, semuanya dijelaskan dalam beberapa potong ayat yang pendek sahaja. Inilah ciri Juzu' 'Amma seluruhnya dan ja digambarkan begitu kuat dalam surah ini.

إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا (1)

1. Apabila bumi digegarkan sedahsyat-dahsyat gegarannya.

وَأَخْرَجَتِ الْأَرْضُ أَنْفَالَهَا (2)

2. Dan bumi telah mengeluarkan isi kandungannya.

Itulah peristiwa hari Qiamat. Ketika itu seluruh bumi bergegar dengan gempa-gempa yang paling dahsyat dan meluahkan segala isi perutnya dari mayat-mayat, logam-logam dan sebagainya yang selama ini dikandunginya, seolah-olah bumi mahu meringankan tubuhnya dari kandungan-kandungan yang berat itu. Ini satu pemandangan yang menunjukkan segala sesuatu yang tegak di bumi telah bergoyang di bawah tapak kaki para pendengar surah ini. Mereka merasa terhoyong-hayang dan bumi terus bergegar dan bergoncang di bawah tapak kaki mereka, satu pemandangan yang menakutkan hati yang selama ini menyangkakan segala apa yang tegak di bumi itu akan tetap teguh, kukuh dan kekal abadi. Inilah saranan pertama dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang digambarkan oleh al-Qur'an, satu gambaran yang benar-benar hidup dan menjalar ke dalam saraf-saraf pendengar ayat-ayat ini sebaik sahajaa mendengar ungkapan al-Qur'an yang unik ini dan kesan ini bertambah jelas lagi apabila digambarkan reaksi "manusia" terhadap pemandangan itu dan dilukiskan keadaan-keadaan perasaan mereka ketika melihat pemandangan ini.

وَقَالَ الْإِنْسَانُ مَا لَهَا (3)

3. Dan manusia berkata (ketakutan) mengapa bumi jadi begitu?

Inilah pertanyaan orang-orang yang berada dalam kebingungan dan ketakutan yang melihat satu peristiwa yang luar biasa, yang tidak dapat difahaminya dan tidak dapat disabar dan didiamkan begitu sahaja. "Mengapa bumi jadi begitu?" "Mengapa ia bergegar dan bergoncang begitu dahsyat?" "Mengapa?" Mereka seolah-olah ikut terhoyong-hayang bersama gegaran itu dan cuba berpaut pada sesuatu untuk menahannya dari rebah, dan segala sesuatu yang ada di sekelilingnya terus bergoyang dan bergegar-gegar. Umat manusia sebelum ini memang pernah melihat kejadian-kejadian gempa bumi dan letupan-letupan gunung berapi. Kejadian-kejadian itu dihadapinya dengan penuh ketakutan dan kecemasan. Mereka ditimpa kemusnahan dan kebinasaan, tetapi apabila mereka melihat gegaran dan gempa bumi hari Qiamat, mereka dapatnya sama sekali tidak boleh dibandingkan dengan kejadian-kejadian gempa bumi dan letupan-letupan gunung berapi yang berlaku dalam dunia ini. Gempa bumi pada hari Qiamat merupakan satu peristiwa baru bagi manusia yang belum pernah dialaminya, satu peristiwa yang tiada tolok bandingnya, satu kejadian agung yang pertama kali berlaku.

يَوْمَئِذٍ

4. Pada hari itu,

Iaitu pada hari berlakunya gempa bumi yang mengagetkan seluruh manusia,

تُحَدِّثُ أَخْبَارَهَا (4)

4. ... bumi akan menceritakan berita-beritanya,

يَأْنِ رَبِّكَ أَوْحَىٰ لَهَا (5)

5. Bahawa Tuhanmu telah memerintahnya (supaya berlaku demikian).

Yakni pada hari itu bumi akan menceritakan bahawa segala apa yang berlaku itu adalah atas perintah Allah. Dialah yang telah memerintah bumi supaya bergegar dengan sedahsyat-dahsyatnya dan meluahkan segala isi kandungannya yang berat dan kerana itu bumi telah mematuhi perintah-Nya.

وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحَقَّتْ (5)

5. "Dan ia telah mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah."

(Al-Insyiqaq)

keadaan ini sendiri merupakan satu penceritaan yang amat jelas bahawa apa yang berlaku itu adalah dari perintah dan wahyu Allah kepada bumi. Ketika manusia berada dalam keadaan bingung dan kaget, di mana nada-nada ayat membayangkan kecemasan, keadaan terperanjat, hiruk-pikuk dan kacau-bilau dan ketika mereka termengah-mengah bertanya, "Mengapa bumi jadi begini? Mengapa?" Tiba-tiba mereka berdepan dengan pemandangan Mahshar, hisab, timbangan amalan dan balasan.

يَوْمَئِذٍ يَصْدُرُ النَّاسُ أَشْتَاتًا لِيُرَوْا أَعْمَالَهُمْ (6)

6. Pada hari itu manusia akan keluar dari kubur masing-masing dengan berbagai-bagai keadaan untuk diperlihatkan balasan amalan mereka.

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ (7)

7. Oleh itu barangsiapa yang berbuat amalan kebajikan seberat zarah nescaya ia akan melihat pahalanya.

وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ (8)

8. Dan barangsiapa yang berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya ia akan melihat balasannya.

Dalam sekelip mata sahaja kita melihat pemandangan manusia di bangkit dari kubur di merata pelosok bumi.

كَأَنَّهُمْ جَرَادٌ مُّنتَشِرٌ (7)

7. "Mereka seperti belalang yang berkeliaran."

(Al-Qamar)

Iaitu satu pemandangan yang tidak pernah dilihat manusia, pemandangan seluruh manusia dari seluruh generasinya serentak bangkit dari kubur-kubur mereka di sana sini.

يَوْمَ تَشَقُّقُ الْأَرْضُ عَنْهُمْ سِرَاعًا ذَلِكَ حَشْرٌ عَلَيْنَا يَسِيرٌ (44)

44. "Pada hari itu bumi terbelah meluahkan mereka dengan segera".

(Qaf)

Di mana sahaja mata memandangi di sana kelihatan orang yang dibangkitkan dari kubur itu keluar dengan segera dan terus pergi tanpa menoleh ke kiri dan ke kanan. Semuanya berjalan tergesa-gesa tanpa menoleh kepada suatu apa dan tanpa melihat ke belakang dan ke sekelilingnya.

مُهْطِعِينَ إِلَى الدَّاعِ يَقُولُ الْكَافِرُونَ هَذَا يَوْمٌ عَسِرٌ (8)

8. "Mereka tergesa-gesa menuju kepada suara yang menyeru mereka.

(Al-Qamar)

Leher mereka memanjang dan mata mereka membelalak.

وَجُوهُهُمُ يَوْمَئِذٍ مُّسْفِرَةٌ (38)

38. "Pada hari itu setiap orang dari mereka sibuk dengan diri masing-masing."

('Abasa)

Satu pemandangan yang tidak dapat digambarkan dengan ungkapan-ungkapan bahasa manusia kerana terlalu dahsyat, mengeri dan mengkagetkan. Tiada kata-kata walaupun dengan menggunakan segala kata yang terdapat dalam kamus-kamus dunia tidak juga tercapai untuk memberi dan menggambarkan pemandangan hari itu.

يَوْمَئِذٍ يَصْدُرُ النَّاسُ أَشْتَاتًا لِّيُرَوْا أَعْمَالَهُمْ (6)

6. Pada hari itu manusia akan keluar dari kubur masing-masing dengan berbagai-bagai keadaan untuk diperlihatkan balasan amalan mereka.

Ini menjadikan keadaan lebih dahsyat lagi. Mereka keluar menuju ke tempat yang akan ditunjukkan amalan-amalan mereka. Di sana mereka akan dihadapkan dengan segala amalan mereka dan menerima balasannya. Berdepan dengan amalan-amalan sendiri kadang-kadang lebih teruk dan dahsyat dari menerima balasannya. Ada orang tidak sanggup melihat perbuatannya di hadapan dirinya sendiri, kerana terlalu keji di saat-saat ia dilanda perasan menyesal. Bagaimana nanti kalau ia dihadapi dengan amalan-amalannya itu di hadapan khalayak manusia dan di hadapan Tuhan Rabbul Jalil yang Maha Agung? Melihat dan menghadapi amalan-amalan itu sendiri merupakan satu hukuman yang amat menakutkan. Dan selepas itu diiringinya pula dengan proses hisab yang amat halus hingga tiada satu zarah pun dari amalan yang baik atau amalan yang jahat yang ditinggalkan tanpa balasan.

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ (7)

7. Oleh itu barangsiapa yang berbuat amalan kebajikan seberat zarah nescaya ia akan melihat pahalanya.

وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ (8)

8. Dan barangsiapa yang berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya ia akan melihat balasannya.

Kata-kata zarah telah ditafsirkan oleh mufassirin dahulu sebagai "lalat". Ada pula yang mentafsirkannya dengan habuk-habuk debu yang kelihatan pada cahaya matahari. Itulah benda yang paling kecil yang dapat mereka tanggapkan dari kata-kata zarah itu. Tetapi zarah yang kita ketahui sekarang ialah "atom" dan atom itu lebih kecil dari habuk-habuk debu yang dilihat pada cahaya matahari, kerana habuk-habuk debu itu masih dapat dilihat dengan mata kasar, sedangkan atom hanya dapat dilihat dengan mikroskop yang paling besar di makmal-makmal sains. Atom merupakan sesuatu yang boleh dilihat dalam hati ahli-ahli sains.. Tiada seorang pun dari mereka yang dapat melihat atom dengan matanya atau dengan mikroskopnya, apa yang dapat dilihat mereka hanya kesan-kesannya sahaja.

Amalan-amalan yang seberat atom ini baik amalan baik mahupun amalan jahat akan dihadirkan kelak dan diperlihatkan kepada yang melaku kannya dan akan diberikan balasannya. Oleh itu setiap orang tidak seharusnya memperkecil-kecilkan amalannya dengan mengatakan, "Ini cuma kecil sahaja, tidak dikira dan ditimbang." Malah hatinya akan menggeletar di hadapan setiap perbuatannya sebagaimana neraca yang halus akan bergerak meninggi atau menurun dengan sebab berat sebiji atom itu. Neraca yang menimbangkan amalan itu adalah suatu neraca yang tiada tolak bandingnya di dalam dunia ini kecuali neraca di dalam hati mu'min iaitu hati yang terus menggeletar, kerana melakukan kebaikan atau kejahatan seberat atom. Di sana ada hati-hati di dunia ini yang tidak bergoncang walau pun oleh dosa-dosa dan ma'siat yang sebesar gunung dan tidak merasa apa-apa walaupun ia telah bertindak menghancurkan kebaikan yang lebih teguh dari gunung.

Itulah hati-hati degil di bumi yang akan hancur-luluh pada hari hisab.